

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 11 JANUARI 2017 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Johor bakal pengeluar kayu gaharu terbesar	Berita Harian
2.	Gegaran gempa bumi Filipina dirasai di Sabah	Utusan Malaysia
3.	Gempa kuat tiada ancaman tsunami	Utusan Malaysia
4.	Sabah rattled by 7.3 quake in Philippines	Malay Mail

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (WILAYAH) : MUKA SURAT 31  
TARIKH : 11 JANUARI 2017 (RABU)

# Johor bakal pengeluar kayu gaharu terbesar

Syarikat dari Switzerland buka ladang pokok gaharu di Parit Yaani

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_no@bh.com.my

Batu Pahat

Johor berpotensi menjadi hab pengeluar kayu gaharu di negara ini berikutan langkah sebuah syarikat perladangan terkenal dunia membuka ladang pokok gaharu secara besar-besaran

di negeri ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata pembukaan ladang pokok gaharu seluas 8.09 hektar di kawasan Parit Senah, Parit Yaani, dekat sini, sejak tahun lalu menjadi perintis kepada usaha berkenaan.

Katanya, usaha yang dirintis Asia Plantation Capital Bhd (APC), sya-



Abu Bakar (kiri) dan Watts melawat tapak semaihan pokok gaharu selepas merasmikan pelancaran penanaman pokok gaharu di Asia Plantation Capital Plantation, di Batu Pahat, semalam.

rikat perladangan dari Geneva, Switzerland yang turut membuka kilang pemprosesan serta penyulingan kayu gaharu terbesar di Asia Tenggara di Masai, Johor memuktikkan komitmennya dalam menjadikan negeri ini sebagai hab utama pengeluar kayu gaharu negara.

"APC juga sudah membuka ladang pokok gaharu seluas 40.4 hek-

tar di Yong Peng, dekat sini serta Paloh, Kluang sekali gus bakal menjadikan Johor sebagai pengeluar utama kayu gaharu bagi tujuan eksport.

#### Jalin kerjasama

"Sebanyak 80.9 hektar ladang pokok gaharu bakal dibuka di beberapa negeri termasuk Negeri Sembilan, Pahang serta Perak se-

lepas ini.

"Kementerian menerusi Malaysian Bioeconomy Development Corp Sdn Bhd (Bioeconomy Corp) turut menjalin kerjasama dengan APC bagi membantu negara serta rakyat negara ini mendapat manfaat peralihan teknologi bagi memajukan serta meningkatkan pendapatan sektor bioekonomi negara," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9  
TARIKH : 11 JANUARI 2017 (RABU)**



ORANG ramai diarahkan keluar dan berkumpul di kawasan lapang sebagai langkah keselamatan selepas berlaku gegaran kuat berikutnya gempa bumi di perairan Celebes, Filipina di Kota Kinabalu, Sabah, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

# Gegaran gempa bumi Filipina dirasai di Sabah

Oleh ASSIM HASSAN

pengarang@utusan.com.my

## ■ KOTA KINABALU 10 JAN.

**B**EBERAPA kawasan di negeri ini turut merasai gegaran akibat gempa bumi berukuran 7.3 pada skala Richter yang berlaku di perairan Celebes, Filipina kira-kira 466 kilometer di timur laut Semporna, di sini hari ini.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, kejadian itu berlaku pada pukul 2.13 petang di koordinat 4.4 Utara dan 122.7 Timur selatan Filipina.

“Satu gempa bumi kuat telah berlaku pada 7.3 skala Richter di perairan Celebes. Tiada ancaman tsunami dikeluarkan selain gegaran turut dirasai di negeri ini.

“Ini merupakan maklumat akhir yang dikeluarkan berkaitan kejadian gempa bumi itu. Sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa,” menurut kenyataan tersebut di sini hari ini.

Dalam pada itu, gegaran kira-kira 10 saat yang dirasai di bandar raya ini menimbulkan suasana panik dan kecoh di beberapa ban-



**Keadaan menjadi gempar apabila siren amaran kecemasan di bangunan itu berbunyi dan melihat orang ramai berpusu-pusu turun menyelamatkan diri.”**

**NURHUSNA BAIS**  
**Kakitangan SESB**

gunan kerajaan serta pusat beli-belah.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa lokasi seperti Pusat Transformasi Bandar (UTC), Wisma Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Wisma Dang Bandang mendapati semua kakitangan diarahkan keluar dan berkumpul di kawasan lapang sebagai langkah keselamatan.

Seorang penjawat awam, Iskandar Ismail, 42, memberitahu, ketika gegaran dia baru sahaja selesai menuaikan solat zuhur dan terkejut apabila mendapati kipas surau di Tingkat 5, Wisma Dang

Bandang bergegar.

Panik dengan keadaan itu, katanya, dia segera menyelesaikan doa sebelum bergegas keluar dan turun ke tingkat bawah menggunakan tangga kecemasan.

“Apabila keluar, rata-rata kakitangan di wisma itu telah bergegas turun dan diarah berkumpul di kawasan lapang di pekarangan wisma tersebut,” katanya.

Bagi Nurhusna Bais, 25, dia yang pada waktu tersebut sedang membuat kerja di Wisma SESB merasai gegaran kira-kira 10 saat dan hanya saling berpandangan dengan rakan sekerja lain.

Ujarnya, keadaan menjadi gempar apabila siren amaran kecemasan di bangunan itu berbunyi dan melihat orang ramai berpusu-pusu turun menyelamatkan diri.

Sementara itu, Masniah Simin, 33, pula berkata, dia sangat terkejut dengan bunyi siren kecemasan sebaik sahaja merasai gegaran tersebut.

“Saya panik pada waktu itu memandangkan saya juga sedang mengandung. Bimbang dengan keselamatan diri dan anak di dalam kandungan, namun, alhamdulillah semua berada dalam keadaan baik,” katanya.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9  
TARIKH : 11 JANUARI 2017 (RABU)**

## **Gempa kuat tiada ancaman tsunami**

**KUALA LUMPUR** 10 Jan. - Satu gempa bumi kuat berukuran 7.3 skala Richter dilaporkan berlaku di Laut Celebes pada pukul 2.13 minit petang waktu tempatan.

Menurut kenyataaan Jabatan Meteorologi Malaysia, kejadian gempa bumi berpusat di 4.4 darjah utara dan 122.7 darjah timur itu berlaku sejauh 466 kilometer dari timur laut Semporna, Sabah.

"Gempa bumi kuat di Laut Celebes itu turut dirasai gegarannya di Sabah. Setakat ini tiada sebarang ancaman tsunami dilaporkan."

"Pihak Jabatan Meteorologi sedang memantau perkembangan ini dan akan memaklumkan sebarang maklumat terkini," kata kenyataan itu di sini hari ini.

# Sabah rattled by 7.3 quake in Philippines



Office staff at KK Times Square in Kota Kinabalu evacuated after the tremors were felt on the west coast of Sabah yesterday. — Picture by Jamili Nais

**KOTA KINABALU** — Anxiety flashed over Sabah briefly yesterday after tremors felt here from a 7.3-magnitude earthquake in southeast Philippines triggered memories of the earthquake which struck the state in 2015.

The tremors were felt all the way along the west coast in Sabah, triggering momentary panic and causing several buildings to be evacuated, including the Sabah Electricity office and Centre Point Sabah shopping mall in the city.

Those in high-rise buildings like condominiums and office blocks also made their way out for fear of damage from the tremors, Malay Mail Online reported.

"The windows in my office were rattling for 10 seconds," said a office worker at the Centre Point building.

"My building was swaying and I got dizzy," said another.

Residents also spread the news across social media posing questions and relating their experience.

According to Sabah Meteorological Department director Azmi Daud, the earthquake occurred at 2.13pm, and struck 622km deep from the surface in Isabela City in the Philippines but its effects were felt across Sabah.

News reports said the undersea earthquake was measured at a depth of 617km but did not mention casualties or

damage in the Philippines.

Azmi said no tsunami alert was issued.

A spokesman from the State Fire and Rescue Services said they were checking on several buildings, including Wisma Wanita, Wawasan Plaza, Wisma Innoprise and the state post office headquarters.

Eighteen people were killed in Sabah as a result of the June 2015 earthquake. Aftershocks continued for months, causing concern among villagers who lived on the foothills.

Sabah Parks director Jamili Nais said park rangers on Mount Kinabalu, which bore the brunt of the 6.0-magnitude earthquake in 2015, reported not feeling any tremors this time.